

Kerajaan teliti sebelum beli Hornet

UM 19 MAY 2002

LUMUT 18 Mei — Kerajaan akan meneliti dengan serius beberapa cadangan daripada syarikat pengeluaran jet pejuang dari Amerika Syarikat iaitu Boeing sebelum membuat keputusan membeli pesawat Super Hornet FA-18E/F.

Menteri Pertahanan, Datuk Seri Mohd. Najib Tun Razak berkata, cadangan itu dikemukakan kepada beliau pada satu taklimat oleh pihak tentera Amerika Syarikat dan Boeing, baru-baru ini.

Kata beliau, sekiranya kerajaan memutuskan untuk menerima cadangan itu, ia melibatkan pemulangan lapan pesawat Hornet FA-18/D (model D) kepada negara itu.

"Kita akan kaji cadangan mereka dari segala sudut terutama kos dan aliran kewangan, pertukaran teknologi, tawaran komersial dan beberapa aspek teknikal," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita pada upacara perbarisan tamat latihan rekrut Pasukan Simpanan Sukarela Tentera Laut Diraja Malaysia (PSSTLDM) di sini, hari ini.

Menurut Najib lagi, pesawat baru Super Hornet FA-18E/F diakui sebagai antara yang tercanggih dalam kelasnya dan 25 peratus lebih besar daripada model D.

Kata beliau, keupayaan persenjataan dan fungsi serangan Super Hornet adalah lebih tinggi.

Dalam pada itu, katanya, model D masih mempunyai permintaan yang tinggi daripada sesetengah negara yang berminat untuk membeli model itu.

Najib juga tidak mahu keputusan membeli model canggih pesawat Super Hornet itu dijadikan perbandingan dengan Singapura yang tidak mempunyai pesawat jenis Hornet.

Utusan Malaysia dalam laporan eksklusif pada 14 Mei lalu menyiarkan kenyataan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir

Mohamad bahawa Malaysia mungkin membeli pesawat Super Hornet FA-18E/F.

Dr. Mahathir berkata, pembelian itu mungkin dibuat sekiranya tawaran tersebut menepati kehendak Malaysia terutama dari segi pemerolehan sistem persenjataan yang tercanggih.

Perdana Menteri hari ini pula dilaporkan berkata bahawa Malaysia telah mengemukakan cadangan untuk membeli pesawat Super Hornet FA-18E/F secara tukar beli dengan pesawat Hornet FA-18/D sedia ada milik negara.

Selain Super Hornet, Malaysia juga merancang untuk membeli pesawat Sukhoi Su-30MK keluaran Rusia.

Dalam perkembangan yang lain, Najib berkata, kerajaan sedang mengkaji peruntukan undang-undang untuk mewajibkan majikan memberi pelepasan tugas kepada pekerja mereka yang menganggotai pasukan simpanan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) untuk menjalani latihan ketenteraan.

Katanya, kajian itu mengambil kira pengalaman pasukan simpanan angkatan tentera di negara-negara lain.

Beliau berkata, ia disebabkan keadaan itu merupakan rintangan terbesar yang dihadapi oleh pasukan simpanan untuk melatih anggota mereka terdiri daripada kakitangan kerajaan dan swasta.

Menurutnya, keengganan pihak majikan memberi pelepasan kepada pekerja mereka menyebabkan anggota pasukan simpanan terpaksa mengambil cuti tahunan bagi menjalani sesi latihan ketenteraan mingguan dan tahunan.

"Majikan disarankan lebih prihatin kerana penglibatan kakitangan mereka dalam pasukan ini menguntungkan kerana pekerja lebih produktif dan komited dalam tugas," katanya.